

27 MAR 1998

Muhyiddin-Pingat

SASARAN TUJUH EMAS REALISTIK, KATA MUHYIDDIN

Oleh: Ahmad Shukran Shaharuddin

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata sasaran tujuh pingat emas Majlis Sukan Negara (MSN) dan persatuan sukan yang terlibat dengan Sukan Komanwel ke-16 September ini adalah realistik.

"Sasaran kita realistik dan berdasarkan prestasi terkini atlit yang berkebolehan untuk menggondol pingat emas sejajar dengan ranking Komanwel," kata Muhyiddin selepas pertemuan dengan jawatankuasa persediaan atlit di sini hari ini.

Beliau berkata sasaran ini tidak tertakluk kepada kecederaan atlit dan kemerosotan prestasi. Namun begitu, tegasnya, ini tidak bermakna Malaysia tidak mampu untuk menggondol lebih banyak pingat pada temasya itu kelak.

Kadangkala prestasi atlit memuncak pada satu-satu kejohanan besar dan keputusan tidak diduga akan berlaku seperti menewaskan peserta handalan, kata beliau lagi.

Sasaran MSN sebanyak tujuh emas adalah rendah sedikit berbanding Majlis Olimpik Malaysia (MOM) yang meramal Malaysia akan menggondol lapan pingat emas.

MSN meletakkan sandaran dua pingat emas daripada acara angkat berat, tiga emas dan dua perak daripada acara badminton, dua emas dan empat perak daripada acara menembak.

Muhyiddin berkata ada juga sukan lain yang berpotensi untuk merangkul pingat seperti acara renang berirama perseorangan dan berduet yang terletak pada ranking 4-5 Komanwel.

Hoki lelaki yang meletakkan sasaran separuh akhir juga berpeluang untuk memenangi sekurang-kurangnya pingat gangsa. Boling padang wanita yang ranking keempat ranking Komanwel juga berpeluang untuk memenangi pingat.

Dalam acara boling pula Muhyiddin berkata mereka meramalkan dua pingat tetapi belum mahu meramalkan pingat yang bakal dimenangi.

Sementara itu Muhyiddin menggesa persatuan sukan supaya membuat persiapan secukupnya kerana persiapan sekarang pada peringkat kritikal.

Beliau juga meminta persatuan sukan yang merasakan atlit mereka berpeluang cerah untuk menggondol pingat supaya segera mendapatkan bantuan kewangan yang telah dikhaskan daripada MSN.

"Persatuan sukan yang mahu memberi pendedahan yang lebih kepada atlit mereka boleh meminta bantuan MSN...tetapi persatuan sukan hendak pastikan kejohanan yang disertai bertaraf Komanwel supaya kita dapat menilai kemampuan kita," katanya.

Sebanyak RM124 juta daripada RM160j yang dikhaskan untuk persediaan atlit negara ke Sukan Komanwel telah digunakan dan daripada laporan yang diberikan kepadanya, semua persediaan atlit berjalan lancar.

Ketahanan mental dititik-beratkan kepada sesetengah sukan yang sering menghadapi tekanan ketika pertandingan dengan meminta bantuan pakar daripada MSN dan Institut Sains Sukan Negara.

Sementara itu perasmian stadium utama di Bukit Jalil akan dijalankan serentak dengan majlis pembukaan pra-Sukan Komanwel pada 11 Julai ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan menamakan kedua-dua stadium itu. -- BERNAMA

SHS ZAB